

**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA RAYUAN JENAYAH NO.  
05(M)- 103 – 07/2024 (W) (KES NO. 9)**

1. Muhammad Akmal Zuhairi bin Azmal
2. Muhammad Azamudin bin Mad Sofi
3. Muhammad Najib bin Mohd Razi
4. Muhamad Afif Najmudin bin Azahat
5. Mohamad Shobirin bin Sabri

LWN

Pendakwaraya

**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA RAYUAN JENAYAH NO.  
05(M) – 107 – 07/2024(W) (KES NO. 10)**

Abdoul Hakeem bin Mohd Ali

LWN

Pendakwaraya

Ini adalah keputusan sebulat suara.

[1] Perayu pertama hingga kelima dalam kes **No. 05(M)-103-07/2024(W)** (kes No. 9) telah disabitkan oleh Mahkamah Rayuan dengan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksan dengan niat bersama di bawah seksyen 34 Kanun yang sama atas kesalahan membunuh Zulfarhan Osman bin Zulkarnain (mangsa/simati). Kelima-lima mereka

telah dijatuhkan hukuman di bawah seksyen 302 tersebut iaitu gantung sampai mati.

[2] Perayu dalam kes Rayuan Jenayah No. 05(M)-107-07/2024(W) (kes No. 10) pula, iaitu Abdoul Hakeem bin Ali telah disabitkan oleh Mahkamah Rayuan dengan kesalahan bersubahat melakukan perbuatan membunuh dibawah seksyen 109 Kanun Keseksaan dan seksyen 302 Kanun yang sama. Perayu dalam kes ini juga telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Rayuan.

[3] Bagi kesalahan membunuh yang disabitkan terhadap perayu-perayu, pihak pendakwaan bergantung pada keterangan langsung, terutama keterangan SP24 dan SP25 dan keterangan lain yang berkaitan. Keterangan saksi-saksi ini antara lain menunjukkan perayu-perayu telah menyebabkan kecederaan kepada mangsa dengan menggunakan seterika wap dan ada pula di antara perayu-perayu yang memukul mangsa. Sementara itu, perayu Abdoul Hakeem, perayu dalam kes No. 10 dalam senarai, telah memberikan arahan bagi perbuatan tersebut dilakukan terhadap simati iaitu suatu kesalahan persubahatan.

[4] Pihak pendakwaan juga bergantung pada keterangan Dr. Salmah (SP6) untuk membuktikan bahawa kecederaan yang dengan sengaja disebabkan oleh kelima-lima perayu terhadap simati mencukupi dalam keadaan lazimnya untuk menyebabkan kematian. (*sufficient in the ordinary course of nature to cause death*). Ini adalah bagi pemakaian seksyen 300 (c) Kanun Keseksaan.

[5] Berhubung dengan pemakaian seksyen 300(c) ini, elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah, kehadiran kecederaan pada badan simati, tertuduh (atau perayu-perayu dalam kes ini) dengan sengaja menyebabkan kecederaan tersebut dan kecederaan tersebut mencukupi pada lazimnya menyebabkan kematian. (lihat ***PP v Muhammad Khairuanuar Baharuddin [2025] 1 CLJ 517 (FC)***; ***PP v Sanderasegaran Nithenanham [2024] 4 CLJ 823 (FC)***; ***Zulkipl Mohamad v PP [2022] 1 CLJ 673 (FC)***)

[6] Keterangan bahawa perayu pertama hingga kelima dengan sengaja menyebabkan kecederaan dengan menepak seterika wap pada badan mangsa dan ada yang memukul mangsa telah dibuktikan dengan keterangan langsung antaranya daripada saksi SP24 dan SP25. Hakim Bicara juga menegaskan bahawa SP24 dan SP25 ialah saksi yang boleh dipercayai (*credible*). (lihat para 93, alasan penghakiman). Kami di peringkat rayuan ini tidak mempunyai sebab untuk mengganggu dapatan fakta Hakim Bicara ini yang mempunyai kelebihan audio-visual saksi-saksi ini, di samping meneliti *demeanour* mereka. Lebih-lebih lagi dapatan tersebut disokong dengan keterangan yang dikemukakan di Mahkamah. Pemakaian peruntukan niat bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksan dalam kes ini, membolehkan perayu-perayu disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun yang sama walau pun tidak ditentukan berapa kecederaan yang dilakukan oleh setiap perayu atau pun terdapat perayu yang hanya menyebabkan satu kecederaan melalui satu tekapan seterika wap terhadap mangsa. Sehubungan itu, elemen pertama dan kedua bagi pemakaian seksyen 300 (c) telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[7] Bagi kesalahan membunuh ini juga, elemen penting seterusnya ialah sama ada kecederaan-kecederaan yang dialami oleh mangsa pada lazimnya menyebabkan kematian. Walaupun perkara ini adalah dapatan fakta yang perlu dibuat oleh Hakim Bicara tetapi keterangan pakar amat perlu disandarkan dan diberikan pertimbangan. Dalam kes ini antara keterangan yang penting adalah keterangan Dr. Salmah (SP6) yang telah menjalankan bedah-siasat terhadap mangsa.

[8] Berdasarkan keterangan SP6, beliau bersetuju dengan pertanyaan TPR bahawa luka bakar atau kesan lecur pada mangsa pada lazimnya menyebabkan kematian. Di sini, dalam membuat sesuatu dapatan fakta, Mahkamah perlu meneliti keseluruhan keterangan SP6 dan keterangan lain yang berkaitan bagi menentukan isu kecederaan yang pada lazimnya menyebabkan kematian ini telah dibuktikan atau sebaliknya. Walau pun dengan ketiadaan atau adanya pernyataan dari saksi pakar bahawa kecederaan yang dialami pada lazimnya menyebabkan kematian, mahkamah masih perlu meneliti, keseluruhan keterangan yang relevan bagi membuat dapatan berhubung perkara ini (lihat ***PP v Sanderasegaran Nithenanham [2024] 4 CLJ 823 (FC)***).

[9] Pada asasnya, SP6 mendapati terdapat 90 luka bakar yang terdiri daripada *1<sup>st</sup>*, *2<sup>nd</sup>* dan *3<sup>rd</sup> degree burn* yang meliputi 80% badan mangsa. Seperti dinyatakan terdahulu, SP6 juga bersetuju kesan lecur ini lazimnya menyebabkan kematian. Walau bagaimanapun, semasa disoal balas oleh peguam, ini jawapan yang diberikan oleh SP6:

**S:** Memandangkan Doktor bersetuju dengan Journal ini yang mengatakan kesan kebakaran second and third degree even though more than 50% tidak secara automatik mengakibatkan kematian, jadi sekarang saya ingin merujuk semula pada witness statement tersebut. Dalam witness statement Doktor katakan berdasarkan kepada journal dan buku teks perubatan, luka lecur yang melebihi 30% dan 50% TBSA boleh menyebabkan kematian walaupun dengan rawatan, **adakah Doktor setuju dengan saya kalau saya katakan yang setepatnya statement adalah berdasarkan journal dan buku teks perubatan luka lecur yang melebihi 30% dan 50% TBSA boleh tetapi tidak selalunya dan semestinya menyebabkan kematian, adakah itu statement yang lebih betul?**

**J:** Ya.

.....

**S:** Tapi saya ingin tambah dan Doktor setuju bahawa **tidak semestinya dan tidak selalunya kesan kebakaran 30% to 50% TBSA akan menyebabkan kematian kalau diberikan rawatan yang secukupnya dan sebetulnya?**

**J:** Ya

(ms 198 – 200 SP6)

**S:** Semasa di tanya oleh Dato Ranjit, Doktor telah ubah sikit ayat ini, boleh beri penjelasan apa maksudnya?

**J:** Saya cuma menjelaskan **maksud boleh itu bermaksud boleh menyebabkan kematian tetapi tidak bermakna akan mati. Bermakna 30%-50% TBSA boleh menyebabkan kematian tapi tidak semestinya mati**

(ms 223, SP6)

[10] Keterangan SP6 semasa disoal-balas ini tidak di sentuh langsung oleh TPR semasa soalan semula. Berhubung perkara ini, pertimbangan juga perlu diberikan kepada keterangan pakar Dr Rahayu (SD19) yang antara lain mempertikaikan dapatan SP6. Sehubungan itu, berdasarkan analisis keseluruhan keterangan, kami dapati, elemen kecederaan yang dialami oleh mangsa pada lazimnya menyebabkan kematian tidak dapat dibuktikan di sebalik keraguan yang munasabah. Ditambah pula mangsa meninggal dunia 10 hari selepas kejadian. Justeru itu juga, peruntukan 300 (c) Kanun Keseksaan tidak dapat disandarkan oleh pihak pendakwaan dalam kes ini untuk membuktikan kesalahan membunuh.

[11] Oleh yang demikian, sabitan perayu-perayu bagi kesalahan membunuh dan persubahatan membunuh tidak dapat dipertahankan. Keputusan Mahkamah Rayuan yang mensabitkan perayu-perayu bagi kesalahan tersebut dengan ini diketepikan. Walau bagaimanapun keterangan yang ada mencukupi bagi kesalahan di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang. Sehubungan itu juga, keputusan Mahkamah Tinggi yang mensabitkan perayu-perayu bagi kesalahan dibawah seksyen 304 (a) dan kesalahan persubahatan terhadap Abdoul Hakeem, perayu dalam kes No. 10 dikembalikan dan hukuman penjara 18 tahun dari tarikh tangkap bagi setiap perayu juga dikekalkan.